



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MOSTI PERKASA BELIA LUAR BANDAR MELALUI PROGRAM AI 4 BELIA DAN MASYARAKAT 2025

KUALA KURAU, PERAK, 26 APRIL 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) terus memperkuuh komitmennya dalam memperkasakan **belia dan masyarakat** melalui pendedahan kepada teknologi Kecerdasan Buatan (AI) menerusi Program AI 4 Belia dan Masyarakat 2025, yang diadakan bersempena Mini Karnival Sains MADANI di Kuala Kurau, Perak.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan keupayaan belia dalam mengaplikasikan teknologi AI secara beretika dan bermanfaat dalam kehidupan seharian, di samping memberi penekanan kepada keterangkuman digital dengan mengutamakan penyertaan masyarakat luar bandar agar manfaat kemajuan teknologi dapat dirasai oleh semua lapisan masyarakat.

Menurut YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, program ini merupakan antara usaha strategik MOSTI dalam memupuk minat dan kesedaran terhadap teknologi AI, khususnya dalam kalangan generasi muda yang bakal menjadi peneraju inovasi negara.

“Program ini mencerminkan komitmen MOSTI untuk menyediakan platform pembelajaran inklusif, praktikal dan kolaboratif yang melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, dan komuniti tempatan,” ujar beliau. Tambahnya lagi, inisiatif ini selari dengan elemen Daya Cipta dalam kerangka Malaysia MADANI, dengan membimbing belia dan masyarakat untuk mencipta solusi berdasarkan AI yang memberi impak positif kepada komuniti dan pembangunan negara.

Program AI 4 Belia dan Masyarakat menampilkan pendekatan interaktif dan mudah difahami melalui tiga komponen utama:

- AI Awareness – pengenalan kepada konsep asas dan manfaat AI,
- AI Career Talk – pendedahan kepada peluang kerjaya dan kemahiran masa depan,
- AI Workshop – pengalaman praktikal penggunaan dan pengoptimuman teknologi generatif AI bersama guru dan pelajar sekolah.

Sementara itu, YB Tuan Teh Kok Lim, Pengurus Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak, turut menzahirkan sokongan terhadap inisiatif ini dan menyatakan komitmen Kerajaan Negeri dalam memupuk budaya sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda. Jelas beliau, usaha ini sejajar dengan Pelan Strategik Negeri Perak 2021–2030, yang berhasrat memperkuuh ekosistem inovasi berdasarkan ilmu di seluruh negeri.

Mini Karnival Sains MADANI Kuala Kurau turut menampilkan pelbagai pameran dan aktiviti interaktif melibatkan agensi-agensi di bawah MOSTI seperti Pusat Sains Negara (PSN), Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Jabatan Tenaga Atom (JTA) dan Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA), di samping demonstrasi sains, kuiz, sesi perkongsian dan permainan berdasarkan sains dan teknologi.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

26 APRIL 2025